

04/05/1997

#### Kriteria pemilihan Abu Hassan

Haniff Hadi in Blantyre (Republik Malawi)

BLANTYRE (Republik Malawi): Pelantikan Datuk Abu Hassan Omar sebagai Menteri Besar Selangor mengambil masa kerana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu memastikan pengganti Tan Sri Muhammad Muhd Taib adalah tokoh yang benar-benar layak.

Perdana Menteri berkata, Selangor adalah salah sebuah negeri terpenting di Malaysia dan langkah memilih seorang Menteri Besar harus dilakukan dengan pertimbangan menyeluruh dan teliti.

"Saya memilih pengganti yang bersih, seorang yang saya kenali dan mempunyai kebolehan," katanya ketika ditanya mengenai kriteria pelantikan Menteri Besar Selangor di sini, lewat petang semalam.

Pelantikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu sebagai Menteri Besar Selangor yang baru diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Jumaat lalu.

Pengumuman itu menamatkan pelbagai spekulasi mengenai pengganti bekas Menteri Besar yang meletakkan jawatan bulan lalu.

Muhammad meletakkan jawatan berikutan peristiwa penahanannya di Australia kerana membawa keluar sejumlah wang yang tidak dibenarkan dari negara itu.

"Saya memilih seorang menteri Kabinet dan beliau perlu meletakkan jawatan. Pilihan raya kecil akan diadakan dan jika menang, beliaulah Menteri Besar Selangor yang baru," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan Abu Hassan tewas dalam pilihan raya kecil itu nanti, Dr Mahathir menjawab secara berseloroh: "Jika dia kalah, kita kenalah cari orang lain. Mungkin dari kalangan anda semua."

Dalam sidang akhbar yang sama, Dr Mahathir berkata, beliau gembira diundang melawat Malawi dan hasil lawatan itu, beliau kini mendapat gambaran lebih jelas mengenai negara itu.

"Kita mengetahui banyak perkara sepanjang lawatan ini. Bukan saja Malawi negara yang indah, kita juga dapat tahu bagaimana kita boleh menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang," katanya.

Dr Mahathir dan Presiden Malawi, Dr Bakili Muluzi mengadakan pertemuan semalam di mana kedua-dua pemimpin membincangkan pelbagai perkara yang menyentuh soal hubungan dua hala.

Mengenai soal perdagangan, Dr Mahathir berkata banyak bidang disentuh, antaranya pelancongan, infrastruktur, pelombongan, perbankan dan perladangan.

Beliau juga menyatakan kemungkinan usahawan Malaysia melabur atau memindahkan industri yang menggunakan tenaga kerja yang banyak ke Malawi untuk membantu membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Malawi serta mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh di Malaysia.

"Usahawan Malaysia boleh melabur dalam industri yang menggunakan tenaga kerja yang banyak di Malawi untuk mengeluarkan barangan bagi eksport," katanya.

(END)